

Kuala Lumpur: Lapan daripada 10 penagih dadah didapati mengalami ketagihan syabu manakala dua yang lain ketagihan ganja.

Itu hasil awal kajian dilakukan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi *Fundamental Research Grant Scheme*, Kementerian Pengajian Tinggi pada 2020.

UPM juga menghasilkan modul Modul Kepemimpinan Bimbingan Kendiri dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan ia digunakan sebagai satu daripada program sokongan psikososial kepada penagih yang dalam proses pemulihan.

Modul ini diperkenalkan sejak 2018 membabitkan 17 peserta rintis yang mana 14 daripadanya berjaya kekal pulih hingga kini, malah ak-

tif melaksanakan aktiviti bimbingan kepada rakan kepuhian untuk bebas daripada masalah ketagihan dadah.

Pensyarah Psikologi, Fakulti Ekologi Manusia UPM Prof Madya Dr Hanina Ham-san berkata, dapatan kajian itu adalah temubual bersama bekas pesalahguna dadah untuk mengetahui tingkah laku ketagihan berdasarkan jenis dadah diambil.

Menurutnya, syabu menjadi pilihan utama kalangan penagih dadah masa kini, tidak kira remaja atau dewasa.

"Bagi penagih remaja, pengambilan syabu atau nama lain disebut 'ice', 'kristal' atau 'batu' adalah kerana terpengaruh dengan ra-

kan-rakan.

"Manakala penagih dewasa pula, mereka mengambil syabu kerana ia dikatakan sebagai 'ubat' yang kuat, paling cepat berkesan, mudah didapati dan harganya lebih murah berbanding ubat lain.

"Ada informan saya (bekas penagih) yang bekerja sebagai tukang masak mengatakan, tujuan utama mereka mengambil syabu adalah untuk mendapatkan tenaga tambahan supaya boleh memasak dengan cepat selain bertahan dalam tempoh lama," katanya.

Hanina berkata, penagih syabu cenderung bertindak agresif atau ganas dalam fasa sebelum dan selepas menghisap dadah berkenaan.

Syabu pilihan utama penagih dadah

"Apabila dalam keadaan ketagihan yang tinggi (belum memperoleh syabu), mereka sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan bekalan itu termasuk mencuri atau bertindak ganas terhadap orang di sekeliling.

"Pada ketika ini, mereka tidak lagi berfikir waras. Fokus mereka ialah, mesti dapatkan 'barang' secepat mungkin kerana tidak tahan dengan ketagihan" katanya.

Menurut Hanina, selepas 20 mi-

menghisap dadah, penagih akan khayal dan berada pada puncak emosi keseronokan yang tinggi, seolah-olah berada di alam fantasi.

"Bagi yang mengambilnya untuk tenaga tambahan, mereka akan bekerja tanpa henti, kelihatan sangat cekap dan hebat, boleh terus bekerja tanpa tidur serta makan.

"Namun, ia hanya sementara. Fasa ini hanya mampu bertahan dalam tempoh kurang 12

jam. Selepas itu, penagih akan berada dalam keadaan berbeza. Keadaan fizikal yang sangat lemah, lapar, tidak boleh fokus, sakit kepala, gelisah, cemas, kemurungan dan mudah marah.

"Ada juga yang boleh tidur seharian, malah lebih daripada 24 jam. Pada fasa ini, mereka mudah bertindak agresif sekiranya merasakan ada 'provokasi' daripada orang sekeliling," katanya.

Ditanya punca penagih sukar pulih daripada masalah ketagihan dadah, beliau berkata, faktor pertama ialah berkaitan dengan diri penagih itu sendiri.

"Faktor kedua ialah kekurangan sokongan keluarga. Penagih juga perlu menjaga lingkungan pergaulan dengan rakan-rakan, sekiranya mahu pulih daripada ketagihan," katanya.

